

D.R. 21/95

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti
1993.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini boleh dinamakan Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1995 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*; dan Menteri boleh melantik tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2—

Pindaan seksyen 2—
Akta 498,

(a) dengan menggantikan takrif "berdagang dalam kontrak niaga hadapan" dengan takrif yang berikut:

' "berdagang", berhubungan dengan kontrak niaga hadapan, mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;'

Akta 499

- (b) dengan menggantikan takrif "bursa" dengan takrif yang berikut:

Akta 280 ' "bursa" ertinya bursa saham yang ditubuhkan di bawah subseksyen 8(2) Akta Perindustrian Sekuriti 1983 atau suatu syarikat bursa;';

- (c) dengan memotong takrif "bursa niaga hadapan";

- (d) dengan memasukkan selepas takrif "depositori pusat" takrif yang berikut:

' "disenaraikan", berhubung dengan sekuriti atau perbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, ertinya apa-apa sekuriti atau perbadanan yang sekuritinya atau mana-mana kelas sekuritinya diterima untuk disebut harga di pasaran saham sesuatu bursa saham;

"ditetapkan", jika cara menetapkan tidak diperuntukkan, ertinya ditetapkan dari semasa ke semasa melalui peraturan atau perintah yang disiarkan dalam *Warta*;';

- (e) dengan menggantikan takrif "kontrak niaga hadapan" dengan takrif yang berikut:

Akta 499. ' "kontrak niaga hadapan" mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;';

- (f) dengan memasukkan selepas takrif "Kumpulan Wang" takrif yang berikut:

Akta 280. ' "lesen" ertinya mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian IV Akta Perindustrian Sekuriti 1983 atau Bahagian III Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;';

Akta 499.

- (g) dengan memasukkan selepas takrif "Mahkamah" takrif yang berikut:

' "menentukan", jika cara menentukan tidak disebut, ertinya menentukan dari semasa ke semasa secara bertulis; dan kuasa menentukan

termasuk kuasa untuk menentukan secara berlainan bagi orang yang berlainan atau golongan, kategori atau perihalan orang yang berlainan;';

(h) dengan memotong takrif "orang berdaftar";

(i) dengan memasukkan selepas takrif "Menteri" takrif yang berikut:

' "orang berlesen" ertinya seseorang yang dilesenkan di bawah Bahagian IV Akta *Akta 280.* Perindustrian Sekuriti 1983 atau Bahagian III Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;'; *Akta 499.*

(j) dengan menggantikan takrif "pasaran niaga hadapan" dengan takrif yang berikut:

' "pasaran niaga hadapan" mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta *Akta 499.* Perindustrian Niaga Hadapan 1993;';

(k) dalam takrif "pusat penjelasan"—

(i) dengan menggantikan perkataan "penyelesaian perdagangan kontrak niaga hadapan" dengan perkataan "pusat penjelasan yang diluluskan di bawah subseksyen 6B(1) Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993"; dan

(ii) dengan memasukkan rujukan birai "*Akta 499.*" bersetentangan dengan sebutan mengenai Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;

(l) dengan memasukkan selepas takrif "pusat penjelasan" takrif yang berikut:

' "rekod" termasuk rekod yang disimpan atau dirakamkan dengan menggunakan komputer;';

(m) dengan memasukkan selepas takrif "sekuriti" takrif yang berikut:

' "sekutu" mempunyai pengertian yang sama
Act 280. seperti dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983;';

(n) dengan memasukkan selepas takrif "syarikat" takrif yang berikut:

' "syarikat bursa" ertinya sesuatu syarikat
Akta 499. yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;

"undang-undang sekuriti" ertinya Akta
Akta 280. Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Perindustrian
Akta 453. Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, Akta
Akta 498. Suruhanjaya Sekuriti 1993 dan Akta Perindustrian
Akta 499. Niaga Hadapan 1993;';

(o) dengan memotong takrif "transaksi opsyen niaga hadapan".

Seksyen baru
 2A. **3.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 2 seksyen baru yang berikut:

"Sebutan mengenai "Akta ini" dan "undang-undang sekuriti".
 2A. Apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai "Akta ini" atau "undang-undang sekuriti", melainkan jika disebut dengan nyata selainnya, termasuklah sebutan mengenai mana-mana peraturan, kaedah, perintah, pemberitahuan atau perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ini atau suatu undang-undang sekuriti, mengikut mana-mana yang berkenaan."

Pindaan
 seksyen 13.

4. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan "apa-apa kepentingan dalam apa-apa perkara" dan "hakikat" masing-masingnya dengan perkataan "atau yang memperolehi kepentingan langsung atau tak langsung berhubungan dengan apa-apa perkara" dan "kewujudan";

- (b) dengan memotong subseksyen (2);
- (c) dalam subseksyen (3) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) dengan koma dan dengan memasukkan perkataan "berhubungan dengan perkara itu." untuk menerangkan perenggan (a) dan (b); dan
- (d) dengan memotong subseksyen (6).

5. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 15 dengan seksyen yang berikut: Penggantian seksyen 15.

"Fungsi-fungsi Suruhanjaya. 15. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:

- (a) menasihati Menteri dalam segala perkara berhubungan dengan perindustrian sekuriti dan perindustrian niaga hadapan;
- (b) mengawalselia segala perkara berhubungan dengan sekuriti dan kontrak niaga hadapan;
- (c) memastikan bahawa peruntukan undang-undang sekuriti dipatuhi;
- (d) mengawalselia pengambilalihan dan percantuman syarikat;
- (e) mengawalselia segala perkara yang berhubungan dengan skim amanah saham;
- (f) bertanggungjawab bagi mengawasi dan menyelia aktiviti-aktiviti mana-mana bursa, pusat penjelasan dan depositori pusat;
- (g) mengambil segala langkah yang munasabah untuk mengekalkan keyakinan pelabur dalam pasaran sekuriti dan niaga hadapan dengan memastikan adanya perlindungan yang mencukupi bagi pelabur itu;

- (h) memajukan dan menggalakkan kelakuan yang baik di kalangan anggota bursa, pusat penjelasan, depository pusat dan semua orang berlesen;
- (i) membanteras amalan-amalan yang menyalahi undang-undang, yang hina dan yang tak patut dalam perniagaan sekuriti dan perdagangan kontrak niaga hadapan, dan pemberian nasihat pelaburan atau perkhidmatan-perkhidmatan lain berhubung dengan sekuriti atau kontrak niaga hadapan;
- (j) menimbangkan dan membuat syor-syor bagi pembaharuan undang-undang berhubung dengan sekuriti dan kontrak niaga hadapan;
- (k) menggalakkan dan memajukan pembangunan pasaran sekuriti dan niaga hadapan di Malaysia termasuk penyelidikan dan latihan berkaitan dengannya;
- (l) menggalakkan dan memajukan pengawalseliaan sendiri oleh persatuan-persatuan profesional atau badan-badan pasaran dalam perindustrian sekuriti dan niaga hadapan;
- (m) melesenkan dan mengawasi semua orang berlesen sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang sekuriti;
- (n) memajukan dan mengekalkan integriti semua orang berlesen dalam perindustrian sekuriti dan niaga hadapan.

(2) Fungsi-fungsi Suruhanjaya berhubung dengan kontrak niaga hadapan di bawah Akta ini tidaklah terpakai bagi mana-mana kontrak niaga hadapan komoditi yang diperdagangkan di bawah Akta Dagangan Komoditi 1985.

(3) Suruhanjaya hendaklah mempunyai fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah undang-undang sekuriti.

(4) Tiada apa-apa jua dalam perenggan (1)(l) boleh menghadkan atau selainnya menyentuh fungsi-fungsi Suruhanjaya."

6. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 16 dengan seksyen yang berikut: Penggantian seksyen 16.

"Kuasa Suruhanjaya. 16. Suruhanjaya hendaklah mempunyai semua kuasa yang perlu bagi atau berkaitan dengan, atau semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah undang-undang sekuriti."

7. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 19 dengan seksyen yang berikut: Penggantian seksyen 19.

"Kuasa Menteri untuk memberikan arahan dan menghendaki maklumat. 19. (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan am kepada Suruhanjaya yang tidak tak konsisten dengan Akta ini berhubungan dengan fungsi-fungsi Suruhanjaya dan arahan-arahan itu hendaklah mengikat Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya hendaklah memberi Menteri apa-apa penyata, akaun dan maklumat mengenai pelaksanaan mana-mana fungsinya di bawah undang-undang sekuriti sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa."

8. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 22 dengan seksyen yang berikut: Penggantian seksyen 22.

"Kuasa untuk memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan kepada pegawai dan pengkhidmatnya. 22. (1) Suruhanjaya boleh memberikan pinjaman dan membuat pendahuluan, termasuk pinjaman pelajaran dan biasiswa, kepada pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya atau kepada orang lain atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Dalam seksyen ini, istilah "pegawai dan pengkhidmat" termasuklah Pengerusi."

Seksyen baru
22A.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 22 seksyen yang berikut:

"Suruhanjaya boleh menubuhkan dan menyertai pertubuhan perbadanan. 22A. Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, menubuhkan dan menyertai mana-mana pertubuhan perbadanan bagi maksud memajukan penyelidikan dan latihan berhubung dengan perindustrian sekuriti dan niaga hadapan."

Pindaan
seksyen 24.

10. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Dalam hal tiap-tiap kontrak niaga hadapan yang dilakukan di pasaran niaga hadapan sesuatu syarikat bursa, orang yang berada dalam kedudukan pendek dan orang yang berada dalam kedudukan panjang berhubung dengan kontrak niaga hadapan adalah bertanggung membayar suatu levi kepada Suruhanjaya dalam amaun yang ditentukan melalui perintah Menteri yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*; dan amaun yang berlainan boleh ditentukan berkenaan dengan jenis atau kelas kontrak niaga hadapan yang berlainan atau golongan atau kategori orang yang berlainan berkenaan dengan kontrak niaga hadapan."; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

"(6) Bagi maksud seksyen ini, istilah "kedudukan pendek" dan "kedudukan panjang" mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993."

Akta 499.

11. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan Bahagian IV dengan Bahagian yang berikut: Penggantian Bahagian IV.

BAHAGIAN IV

TERBITAN SEKURITI DAN PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN

PENGGAL 1

CADANGAN BERHUBUNGAN DENGAN SEKURITI

Cadangan hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya. 32, (1) Dalam Penggal ini dan Jadual—
Akta 519. "Bank Negara Malaysia" ertinya Bank Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958;

"cadangan" ertinya cadangan yang disebut dalam subseksyen 32(2);

"pakar" termasuk jurutera, penilai, akauntan dan mana-mana orang lain yang profesionnya memberi kewibawaan kepada pernyataan yang dibuat olehnya;

"pegawai", berhubungan dengan sesuatu perbadanan, termasuklah—

- (a) seorang pengarah, setiausaha, pegawai eksekutif atau pekerja perbadanan itu;
- (b) seorang penerima dan pengurus, yang dilantik di bawah kuasa yang terkandung dalam mana-mana suratcara, bagi mana-mana bahagian pengusahaan atau harta perbadanan itu;
- (c) seorang pelikuidasi perbadanan itu yang dilantik dalam penggulungan sukarela perbadanan itu,

tetapi tidak termasuk seorang penerima yang bukan juga seorang pengurus, penerima dan pengurus yang dilantik oleh Mahkamah dan seorang pelikuidasi yang dilantik oleh Mahkamah;

"pemohon" ertinya mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen 32(2);

Akta 125. "syarikat persendirian" dan "syarikat awam" mempunyai pengertian yang sama seperti dalam subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965.

(2) Seksyen ini terpakai bagi seseorang yang bercadang hendak melakukan mana-mana yang berikut:

- (a) menyediakan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti di Malaysia;
- (b) menyediakan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, di luar Malaysia, sekuriti sesuatu syarikat awam, atau menyenaraikan sekuriti itu di bursa sekuriti di luar Malaysia;
- (c) mengeluarkan terbitan bonus sekuriti sesuatu syarikat awam selain daripada dengan cara mempermodalkan keuntungan belum diasingkan;
- (d) dengan cara terbitan sekuriti, melaksanakan—
 - (i) suatu kompromi atau perkiraan sama ada atau tidak bagi maksud atau berkaitan dengan suatu skim kompromi atau perkiraan bagi penyatuan mana-mana dua perbadanan atau lebih atau bagi penyusunan semula mana-mana perbadanan;

- (ii) skim syer pekerja atau skim opsyen syer pekerja; atau
 - (iii) suatu pemerolehan sekuriti atau aset;
- (e) memohon bagi penyenaiaan sesuatu perbadanan, atau bagi sebutharga sekuriti, di pasaran saham sesuatu bursa saham;
- (f) membahagikan aset sesuatu syarikat awam kepada anggota-anggotanya selain daripada pembahagian wang tunai atau pembahagian aset kepada anggota-anggota syarikat awam semasa penggulangannya; atau
- (g) melaksanakan suatu penyusunan semula yang melibatkan pemerolehan atau pelupusan aset (sama ada dengan cara terbitan sekuriti atau tidak) yang mengakibatkan suatu perubahan yang bermakna dalam haluan perniagaan atau dasar sesuatu syarikat awam yang disenaraikan.
- (3) Seseorang pemohon hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya apa-apa dokumen dan apa-apa maklumat lain berhubungan dengan cadangan itu dalam apa-apa bentuk dan mengikut apa-apa cara dan pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.
- (4) Tertakluk kepada seksyen 32A, tiada seorang pun yang disebut dalam subseksyen (2) boleh melaksanakan atau menjalankan sesuatu cadangan melainkan jika Suruhanjaya telah meluluskan cadangan itu di bawah seksyen ini.

(5) Suruhanjaya boleh—

- (a) meluluskan sesuatu cadangan;
- (b) meluluskan sesuatu cadangan dengan apa-apa perubahan dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut; atau
- (c) menolak sesuatu cadangan.

(6) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi apa-apa terma atau syarat berhubungan dengan suatu kelulusan yang diberikan di bawah perenggan (5)(b) adalah melakukan suatu kesalahan.

(7) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa—

- (a) terdapat pelanggaran terhadap subseksyen 32B(1); atau
- (b) terdapat kemungkiran apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah perenggan (5)(b) ; atau
- (c) terdapat apa-apa perubahan atau perkembangan dalam hal keadaan yang berhubungan dengan suatu cadangan yang berlaku selepas Suruhanjaya memberikan kelulusannya di bawah subseksyen (5), dan jika perubahan atau perkembangan itu, jika diketahui oleh Suruhanjaya sebelum kelulusan itu, akan menjejaskan keputusannya mengenai cadangan itu,

maka Suruhanjaya boleh—

- (aa) membatalkan kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen (5);
- (bb) menyemak semula kelulusan itu; atau

- (cc) mengenakan apa-apa terma atau syarat tambahan berhubung dengan cadangan yang telah diluluskannya di bawah subseksyen (5):

Dengan syarat bahawa Suruhanjaya hanya boleh membatalkan atau menyemak semula kelulusan sedemikian atau mengenakan apa-apa terma dan syarat tambahan jika pembatalan, penyemakan semula atau pengenaan sedemikian tidak akan menyentuh hak-hak pihak ketiga yang mungkin diwujudkan oleh atau yang berbangkit daripada penjalanan atau pelaksanaan suatu cadangan mengikut kelulusan yang telah diberikan di bawah subseksyen (5).

(8) Suruhanjaya hendaklah memberikan notis bertulis kepada pemohon mengenai niatnya hendak mengambil tindakan di bawah subseksyen (7) dan hendaklah memberi pemohon peluang untuk didengar sebelum mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (7).

(9) Jika Suruhanjaya telah memberikan kelulusannya terhadap suatu cadangan di bawah subseksyen (5)—

Akta 125.

(a) jika pendaftaran prospektus dikehendaki di bawah Bahagian IV Akta Syarikat 1965 berkaitan dengan cadangan itu, prospektus itu hendaklah termasuk suatu pernyataan bahawa Suruhanjaya telah meluluskan cadangan itu menurut seksyen ini dan bahawa kelulusan Suruhanjaya mengenai cadangan itu tidaklah boleh dikira sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya mengesyorkan cadangan itu; atau

Akta 125

(b) jika pendaftaran prospektus tidak dikehendaki di bawah Bahagian IV Akta Syarikat 1965 berkaitan dengan cadangan itu, pemohon hendaklah memasukkan dalam mana-mana dokumen yang

dikeluarkan mengenai cadangan itu, dalam apa-apa bentuk yang dikehendaki oleh Suruhanjaya, suatu pernyataan bahawa Suruhanjaya telah meluluskan cadangan itu menurut seksyen ini dan bahawa kelulusan Suruhanjaya mengenai cadangan itu tidaklah boleh dikira sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya mengesyorkan cadangan itu.

(10) Jika—

- (a) seseorang membuat sesuatu perjanjian berkenaan dengan suatu cadangan; dan
- (b) terma-terma perjanjian itu tidak mengikat sehingga apa-apa syarat yang dinyatakan dalam perjanjian itu, termasuk kelulusan yang hendaklah diberikan di bawah subseksyen (5) dipenuhi,

orang itu tidaklah boleh dikira, bagi maksud subseksyen (4), sebagai telah mengambil apa-apa langkah untuk melaksanakan atau menjalankan cadangan itu.

(11) Berkenaan dengan mana-mana cadangan yang disebut dalam subseksyen 32 (2)—

- (a) Suruhanjaya bolehlah mengarahkan pemohon untuk membuat suatu pengumuman mengenai suatu cadangan mengikut kaedah-kaedah bursa saham, jika terpakai; dan
- (b) mana-mana orang boleh membuat suatu pengumuman mengenai suatu cadangan sebelum mengemukakan cadangan itu kepada Suruhanjaya untuk kelulusannya di bawah seksyen ini.

(12) Bagi maksud subseksyen (11), suatu "pengumuman" termasuklah apa-apa siaran melalui notis dalam akhbar atau dalam apa-apa bentuk lain tentang suatu niat yang mantap untuk membuat tawaran bagi apa-apa sekuriti.

(13) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3), (4), (9) atau (11) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Kelas atau kategori transaksi atau sekuriti yang tidak tertakluk kepada subseksyen 32(4).

32A. (1) Subseksyen 32(4) tidaklah terpakai bagi yang berikut:

- (a) apa-apa kelas atau kategori sekuriti atau kelas atau kategori transaksi yang dinyatakan dalam Jadual;
- (b) menyediakan, menawarkan bagi langganan atau pembelian, atau mengeluarkan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti yang ditetapkan oleh Menteri berasaskan cara atau nilai keseluruhannya atau sifat, jenis atau bilangan pelabur yang berhubungan dengannya;
- (c) apa-apa kategori atau kelas sekuriti yang ditetapkan oleh Menteri.

(2) Dalam membuat apa-apa penetapan di bawah subseksyen (1), Menteri hendaklah mengambil kira kepentingan orang awam.

(3) Mana-mana ketetapan yang dibuat di bawah seksyen ini adalah tertakluk kepada apa-apa syarat, sekatan atau batasan yang dikenakan oleh Menteri.

Pernyataan palsu atau mengelirukan. dsb.

32B. (1) Jika apa-apa pernyataan atau maklumat dikehendaki dikemukakan kepada Suruhanjaya di bawah Penggal ini berhubungan dengan atau berkaitan dengan apa-apa cadangan yang dikemukakan menurut seksyen 32—

- (a) seorang pemohon, mana-mana pegawainya atau sekutunya;

- (b) seorang penasihat kewangan atau pakar;
atau
- (c) mana-mana orang lain,

tidaklah boleh—

- (aa) mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan apa-apa pernyataan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan;
- (bb) mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan apa-apa pernyataan atau maklumat yang dalamnya terdapat ketinggalan yang material; atau
- (cc) terlibat dalam atau membantu atau bersubahat dalam kelakuan yang dia tahu adalah mengelirukan atau memperdayakan atau yang berkemungkinan mengelirukan atau memperdayakan Suruhanjaya.

(2) Adalah menjadi suatu pembelaan kepada suatu pendakwaan atau apa-apa prosiding bagi pelanggaran subseksyen (1) jika dibuktikan bahawa defendan, setelah membuat penyiasatan yang munasabah dalam hal keadaan sedemikian, mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, dan sehingga masa pernyataan itu dibuat atau pemberian maklumat itu atau penglibatannya dalam kelakuan itu, sememangnya mempercayai bahawa—

- (a) pernyataan atau maklumat itu adalah benar dan tidak mengelirukan;
- (b) ketinggalan itu tidaklah material;
- (c) tidak ada ketinggalan material; atau
- (d) kelakuan yang berkenaan itu tidaklah mengelirukan atau memperdayakan.

(3) Jika—

- (a) pernyataan atau maklumat yang disebut dalam subseksyen (1) telah dikemukakan atau diberikan kepada Suruhanjaya, atau kelakuan yang disebut dalam subseksyen (1) telah dilakukan; dan
- (b) orang yang disebut dalam subseksyen itu menyedari sebelum cadangan itu dilaksanakan atau dijalankan sepenuhnya—
 - (i) bahawa pernyataan atau maklumat itu mungkin palsu atau mengelirukan atau tak lengkap secara material; atau
 - (ii) bahawa kelakuan itu cenderung kepada mengelirukan atau memperdayakan,

maka orang itu hendaklah dengan serta-merta memberitahu Suruhanjaya mengenai fakta yang disebut dalam subperenggan (b)(i) atau (b)(ii), jika terpakai, dan mengambil apa-apa tindakan yang dikehendaki oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 32(7).

(4) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) atau subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

PENGGAL 2

PENGAMBILALIHAN, PERCANTUMAN DAN PENGAMBILAN WAJIB

Takrif. 33. (1) Dalam Penggal ini—

"berkaitan", berhubungan dengan sesuatu perbadanan, ertinya berkaitan dalam pengertian seksyen 6 Akta Syarikat 1965;

"kawalan", berhubungan dengan pemerolehan syer, ertinya pemerolehan atau pemegangan, atau hak untuk menggunakan atau mengawal penggunaan, syer mengundi yang melebihi tiga puluh tiga peratus dalam sesuatu syarikat;

"Kod" ertinya Kod Malaysia mengenai Pengambilalihan dan Percantuman yang dibuat mengikut seksyen 33A;

"pakar" termasuk jurutera, penilai, akauntan dan mana-mana orang lain yang profesionnya memberi kewibawaan kepada suatu pernyataan yang dibuat olehnya;

"pegawai", berhubungan dengan sesuatu perbadanan, termasuklah—

- (i) seorang pengarah, setiausaha, pegawai eksekutif atau pekerja perbadanan itu;
- (ii) seorang penerima dan pengurus, yang dilantik di bawah kuasa yang terkandung dalam mana-mana suratcara, bagi mana-mana bahagian pengusahaan atau harta perbadanan itu;
- (iii) seorang pelikuidasi perbadanan itu yang dilantik dalam penggulungan sukarela perbadanan itu,

tetapi tidak termasuk seorang penerima yang bukan juga seorang pengurus, penerima dan pengurus yang dilantik oleh Mahkamah dan seorang pelikuidasi yang dilantik oleh Mahkamah;

"pembuat tawaran" ertinya seorang yang membuat tawaran pengambilalihan;

"pemegang syer tak setuju" termasuk mana-mana pemegang syer yang belum menerima tawaran pengambilalihan dan mana-mana pemegang syer yang telah gagal atau enggan membuat pemindahan syer kepada pengambil mengikut tawaran pengambilalihan;

"penerima tawaran" ertinya suatu syarikat yang syer mengundinya adalah tertakluk kepada suatu tawaran pengambilalihan;

"pengambil" ertinya—

- (a) seseorang yang mengambil atau bercadang hendak mengambil kawalan dalam sesuatu syarikat sama ada pengambilan itu dilaksanakan oleh orang itu atau oleh seorang ejen; atau
- (b) dua orang atau lebih yang, bertindak bersama-sama antara satu sama lain, mengambil atau bercadang hendak mengambil kawalan dalam sesuatu syarikat, sama ada pengambilan itu dilaksanakan oleh mereka atau oleh seorang ejen;

"syarikat", berhubungan dengan sesuatu syarikat yang diambilalih, ertinya sesuatu syarikat awam, sama ada atau tidak ia disenaraikan di mana-mana bursa saham, dan termasuk mana-mana syarikat persendirian yang ditentukan oleh Suruhanjaya;

Akta 125. "syarikat persendirian" dan "syarikat awam" mempunyai pengertian yang sama seperti dalam subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965;

"syer mengundi", berhubungan dengan sesuatu syarikat, mempunyai pengertian yang sama seperti dalam subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965;

"tawaran pengambilalihan", berhubungan dengan sesuatu syarikat, ertinya suatu tawaran yang dibuat untuk memperolehi kesemua atau sebahagian syer mengundi, atau mana-mana kelas atau kelas-kelas syer mengundi, dalam syarikat itu.

(2) Bagi maksud Penggal ini, sebutan mengenai "orang yang bertindak bersama-sama" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang-orang yang, menurut suatu perjanjian, perkiraan atau persefahaman, bekerjasama untuk—

- (a) memperoleh secara bersesama atau berasingan syer mengundi sesuatu syarikat bagi maksud mendapat kawalan syarikat itu; atau
- (b) bertindak secara bersesama atau berasingan bagi maksud menjalankan kuasa kawalan ke atas sesuatu syarikat.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (2), orang yang berikut hendaklah dianggap sebagai orang yang bertindak bersama-sama melainkan jika dibuktikan sebaliknya:

- (a) sesuatu perbadanan dan perbadanan berkaitannya dan perbadanan sekutunya;
- (b) sesuatu perbadanan dan mana-mana pengarahnya, atau ibu atau bapa, anak, abang atau kakak atau adik mana-mana pengarahnya, atau suami atau isteri mana-mana pengarah itu atau mana-mana saudara mara sedemikian, atau mana-mana amanah berkaitan;
- (c) sesuatu perbadanan dan mana-mana kumpulan wang pencen yang ditubuhkan olehnya;
- (d) seseorang dan mana-mana syarikat pelaburan, kumpulan wang amanah saham atau lain yang pelaburannya diuruskan oleh orang itu atas budi bicaranya;
- (e) seseorang penasihat kewangan dan kliennya yang merupakan suatu perbadanan, jika penasihat kewangan itu menguruskan atas budi bicaranya kumpulan wang perbadanan itu dan

mempunyai sepuluh peratus atau lebih syer mengundi dalam perbadanan itu; dan

- (f) seseorang yang memiliki atau mempunyai kawalan ke atas dua puluh peratus atau lebih syer mengundi sesuatu perbadanan yang termasuk dalam perenggan (a) dan mana-mana ibu atau bapa, anak, abang atau kakak atau adik orang itu, atau suami atau isteri orang itu atau mana-mana saudara mara sedemikian, atau mana-mana amanah berkaitan beserta dengan seorang atau beberapa orang yang termasuk dalam perenggan (a).

(4) Bagi maksud subseksyen (2), suatu perjanjian, perkiraan atau persefahaman ertinya suatu perjanjian, perkiraan atau persefahaman sama ada formal atau tak formal, sama ada bertulis atau lisan, sama ada nyata atau tersirat atau sama ada mempunyai kuatkuasa undang-undang atau ekuiti.

(5) Bagi maksud perenggan (3)(a), suatu perbadanan bersekutu ertinya suatu perbadanan yang berkenaan dengannya tidak kurang daripada dua puluh peratus syer mengundi perbadanan itu dipegang oleh perbadanan lain, perbadanan yang mula-mula disebut dengan itu menjadi perbadanan sekutu perbadanan yang satu lagi itu.

Kod
Malaysia
mengenai
Pengambil-
alihan dan
Percantuman.

33A. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, menetapkan suatu Kod yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(2) Menteri boleh, dari semasa ke semasa atas syor Suruhanjaya, meminda mana-mana peruntukan Kod dan mana-mana pindaan kepada Kod hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Kod hendaklah mengandungi prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang menentukan kelakuan semua orang atau pihak yang terlibat dalam sesuatu tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan wajib, termasuk pengambil, pembuat tawaran, penerima tawaran dan pegawai dan sekutu mereka.

(4) Suruhanjaya hendaklah mentadbirkan Kod mengikut objektif yang dinyatakan dalam subseksyen (5) dan boleh membuat segala benda yang perlu atau suaimanfaat untuk melaksanakan sepenuhnya peruntukan-peruntukan Penggal ini dan Kod; dan tanpa menghadkan keluasan yang terdahulu, boleh—

- (a) mengeluarkan arahan, dari semasa ke semasa, mentafsirkan Kod;
- (b) mengeluarkan arahan mengenai amalan dan kelakuan orang yang terlibat dalam atau tersentuh oleh mana-mana tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan wajib, atau dalam perjalanan urusan mana-mana pengambilalihan, percantuman atau pengambilan wajib; dan
- (c) menyiasat apa-apa perkara berhubungan dengan mana-mana tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan wajib sama ada yang berpotensi atau selainnya, dan bagi maksud ini, boleh mengeluarkan pernyataan awam yang difikirkannya patut mengenainya.

(5) Dalam membuat apa-apa syor di bawah subseksyen (1) dan (2), dan dalam mentadbirkan Kod dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira perlunya dipastikan bahawa pemerolehan syer mengundi atau kawalan ke atas syarikat berlaku dalam pasaran yang cekap, bersaing dan

termaklum dan, tanpa menghadkan keluasan yang terdahulu, hendaklah mengambil kira perlunya dipastikan—

- (a) bahawa pemegang-pemegang syer dan pengarah-pengarah penerima tawaran dan pasaran bagi syer yang menjadi perkara tawaran pengambilalihan itu —
 - (i) sedar akan identiti pengambil dan pembuat tawaran itu;
 - (ii) mempunyai masa yang munasabah untuk menimbangkan sesuatu tawaran pengambilalihan; dan
 - (iii) dibekalkan dengan maklumat yang mencukupi yang perlu untuk membolehkan mereka menilai merit mana-mana tawaran pengambilalihan;
- (b) bahawa, setakat yang praktik, semua pemegang syer penerima tawaran mempunyai peluang yang sama untuk menyertai dalam faedah yang terakru daripada tawaran pengambilalihan itu, termasuk dalam premium yang kena dibayar bagi kawalan;
- (c) bahawa hasrat memperlakukan semua pemegang syer, khususnya pemegang syer minoriti, secara adil dan sama rata akan tercapai, berhubungan dengan tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan wajib; dan
- (d) dalam responsnya kepada, atau dalam membuat syor mengenai mana-mana tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan wajib, pengarah-pengarah penerima tawaran dan pengambil hendaklah bertindak dengan suci hati untuk mematuhi tujuan-tujuan dan cara yang mengikutnya mereka mematuhi

tujuan-tujuan itu, yang dinyatakan dalam subseksyen ini, dan bahawa pemegang syer minoriti tidak tertindas atau berada dalam keadaan merugikan oleh perlakuan dan kelakuan pengarah-pengarah penerima tawaran atau pengambil itu.

Pematuhan
Kod dan
arahan.

33B. (1) Seseorang yang membuat suatu tawaran pengambilalihan hendaklah berbuat sedemikian mengikut peruntukan-peruntukan Kod dan mana-mana arahan yang dibuat di bawah subseksyen 33A(4).

(2) Tertakluk kepada seksyen 33c, seorang pengambil yang telah mendapat kawalan dalam sesuatu syarikat hendaklah membuat tawaran pengambilalihan, selain daripada berkenaan dengan syer mengundi syarikat itu yang pada tarikh tawaran itu dibuat sudah dipegang oleh pengambil itu atau yang berhak dijalankan oleh pengambil itu, mengikut peruntukan-peruntukan Kod dan mana-mana arahan yang dibuat di bawah subseksyen 33A(4).

(3) Tertakluk kepada seksyen 33c, seorang pengambil yang telah memperolehi lebih daripada tiga puluh tiga peratus syer mengundi dalam sesuatu syarikat tetapi kurang daripada lima puluh peratus daripada syer mengundi dalam syarikat itu, tidak boleh memperoleh apa-apa syer mengundi tambahan dalam syarikat itu, kecuali mengikut peruntukan-peruntukan Kod dan mana-mana arahan yang dibuat di bawah subseksyen 33A(4).

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Pengecualian. 33c. (1) Tertakluk kepada subseksyen 33A(5), Suruhanjaya boleh memberikan pengecualian secara bertulis kepada mana-mana orang atau tawaran pengambilalihan yang tertentu atau kepada mana-mana golongan, kategori atau perihalan orang atau kelas, kategori atau perihalan tawaran pengambilalihan yang tertentu daripada peruntukan-peruntukan Penggal ini, Kod dan mana-mana arahan yang dibuat di bawah subseksyen 33A(4).

(2) Mana-mana pengecualian yang diberikan di bawah subseksyen (1) boleh tertakluk kepada apa-apa syarat, sekatan atau batasan yang dikenakan oleh Suruhanjaya.

Tindakan oleh Suruhanjaya dalam hal ketakpatuhan Kod dan arahan. 33D. (1) Jika mana-mana orang yang berada di bawah suatu obligasi untuk mematuhi, menuruti atau melaksanakan peruntukan-peruntukan Kod atau mana-mana arahan yang dibuat di bawah subseksyen 33A(4), tidak mematuhi, menuruti atau melaksanakan mana-mana peruntukan sedemikian Kod atau arahan (kemudian daripada ini disebut "orang yang ingkar"), Suruhanjaya bolehlah mengambil satu atau lebih daripada tindakan yang berikut:

- (a) mengarahkan orang yang ingkar itu untuk mematuhi, menuruti atau melaksanakan mana-mana peruntukan sedemikian Kod atau arahan;
- (b) mengenakan penalti tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit terhadap orang yang ingkar itu;
- (c) mencela orang yang ingkar itu;
- (d) mengarahkan sesuatu bursa saham supaya tidak memberikan akses kepada orang yang ingkar itu untuk menggunakan kemudahan bursa saham itu;

- (e) jika orang yang ingkar itu ialah suatu perbadanan yang disenaraikan, mengarahkan bursa saham itu—
- (i) untuk menggantung dagangan dalam sekuriti perbadanan itu;
 - (ii) untuk menggantung penyenaian perbadanan itu; atau
 - (iii) untuk mengeluarkan perbadanan itu atau kelas sekuriti perbadanan itu daripada senarai rasmi;
- (f) jika orang yang ingkar itu ialah suatu perbadanan yang tidak disenaraikan, mengarahkan mana-mana bursa saham melarang penyenaian mana-mana sekuritinya; atau
- (g) mengarahkan sesuatu bursa saham melarang orang yang ingkar itu daripada melibatkan diri dalam transaksi yang akan dilaksanakan melalui penggunaan kemudahan bursa saham itu.

(2) Suruhanjaya hendaklah memberikan notis bertulis kepada orang yang ingkar mengenai niatnya hendak mengambil tindakan di bawah subseksyen (1) dan hendaklah memberi orang yang ingkar itu peluang untuk didengar sebelum Suruhanjaya mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (1).

(3) Mahkamah boleh, dalam hal jika Suruhanjaya memberikan arahan di bawah perenggan (1)(a), apabila dibuat permohonan oleh Suruhanjaya, membuat perintah mengarahkan orang yang ingkar itu supaya mematuhi, menuruti atau melaksanakan peruntukan-peruntukan Kod atau arahan.

Dokumen, maklumat, dsb. yang palsu atau mengelirukan.

33E. (1) Jika apa-apa dokumen atau maklumat dikehendaki dikemukakan kepada Suruhanjaya di bawah Penggal ini atau Kod berhubung dengan atau berkaitan dengan sesuatu tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan wajib—

- (a) seorang pengambil, pembuat tawaran atau orang yang membuat pengambilan wajib atau melaksanakan percantuman itu, pegawai atau sekutunya;
- (b) seorang penerima tawaran, pegawai atau sekutunya;
- (c) seorang penasihat kewangan atau pakar; atau
- (d) mana-mana orang lain,

tidaklah boleh—

- (aa) mengemukakan atau menyebabkan dikemukakan apa-apa dokumen atau maklumat yang palsu atau mengelirukan;
- (bb) menyediakan atau menyebabkan disediakan apa-apa dokumen atau maklumat yang dalamnya terdapat ketinggalan yang material; atau
- (cc) terlibat dalam kelakuan yang dia tahu adalah mengelirukan atau memperdayakan atau berkemungkinan mengelirukan atau memperdayakan.

(2) Adalah menjadi suatu pembelaan kepada suatu pendakwaan atau apa-apa prosiding bagi pelanggaran subseksyen (1) jika dibuktikan bahawa defendan, setelah membuat penyiasatan yang munasabah dalam hal keadaan sedemikian, mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai, dan sehingga masa dokumen atau

maklumat itu diberikan atau penglibatannya dalam kelakuan itu, sememangnya mempercayai bahawa—

- (a) dokumen atau maklumat itu adalah benar dan tidak mengelirukan;
- (b) ketinggalan itu tidaklah material;
- (c) tidak terdapat ketinggalan material; atau
- (d) kelakuan yang berkenaan tidak mengelirukan atau memperdayakan.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

Pengambilan
wajib.

34. (1) Tertakluk kepada seksyen 34B, jika sesuatu tawaran pengambilalihan oleh seorang pembuat tawaran untuk memperoleh kesemua syer atau kesemua syer dalam mana-mana kelas atau kelas-kelas tertentu penerima tawaran telah, dalam tempoh empat bulan selepas tawaran pengambilalihan itu dibuat, diterima oleh pemegang tidak kurang daripada sembilan persepuluh nilai nominal syer itu atau syer daripada kelas atau kelas-kelas itu (selain daripada syer yang sudah dipegang pada tarikh tawaran pengambilalihan itu dibuat oleh pembuat tawaran itu atau oleh seorang penama bagi atau oleh perbadanan berkaitan pembuat tawaran itu), pembuat tawaran itu boleh, pada bila-bila masa dalam tempoh dua bulan selepas tawaran pengambilalihan itu diterima sedemikian, memberikan notis mengikut cara yang ditetapkan di bawah Kod kepada mana-mana pemegang syer tak setuju bahawa ia berhasrat memperoleh syernya beserta dengan suatu akuan berkanun oleh pembuat tawaran itu bahawa syarat-syarat bagi pemberian notis itu telah dipenuhi.

(2) Jika seorang pembuat tawaran telah memberikan notis kepada mana-mana pemegang syer tak setuju bahawa ia berhasrat memperoleh syernya menurut subseksyen (1), pemegang syer tak setuju itu adalah berhak menghendaki pembuat tawaran itu, dengan permintaan bertulis yang disampaikan kepada pembuat tawaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu diberikan, membekalkan kepadanya suatu pernyataan bertulis mengenai nama-nama dan alamat-alamat semua pemegang syer tak setuju yang lain sebagaimana yang ditunjukkan dalam daftar anggota dan pembuat tawaran itu tidaklah berhak atau terikat untuk memperoleh syer pemegang syer tak setuju itu sehingga empat belas hari selepas pernyataan mengenai nama-nama dan alamat-alamat itu diposkan kepada pemegang syer tak setuju itu.

(3) Apabila notis dan akuan berkanun diberikan di bawah subseksyen (1), atau jika subseksyen (2) terpakai, apabila peruntukan-peruntukan dalam subseksyen (2) dipatuhi, pembuat tawaran hendaklah mengikut subseksyen (7) memperoleh syer-syer itu atas terma-terma tawaran pengambilalihan itu atau, jika tawaran pengambilalihan itu mengandungi dua set terma yang alternatif atau lebih, atas terma-terma yang dinyatakan dalam tawaran pengambilalihan itu sebagaimana yang terpakai bagi pemegang-pemegang syer tak setuju itu.

(4) Mana-mana orang yang—

- (a) menghantar suatu salinan notis atau akuan berkanun di bawah subseksyen (1) yang tidak mengikut cara yang ditetapkan; atau
- (b) membuat suatu akuan berkanun menurut subseksyen (1) atau menghantar pernyataan menurut subseksyen (2), dengan disedarinya bahawa akuan atau pernyataan itu, mengikut mana-mana yang

berkenaan, adalah palsu, atau tanpa mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa ia adalah benar,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(5) Jika mana-mana orang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (4), adalah menjadi pembelaan bagi orang itu untuk membuktikan bahawa dia telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan subseksyen itu dipatuhi.

(6) Jika, semasa tempoh yang dalamnya suatu tawaran pengambilalihan boleh diterima, pembuat tawaran memperolehi atau membuat kontrak untuk memperolehi mana-mana syer yang tawaran pengambilalihan itu berhubungan dengannya, selain daripada menurut kuasa penerimaan-penerimaan tawaran pengambilalihan itu, maka jika—

- (a) nilai balasan yang baginya syer itu diperoleh atau dibuat kontrak untuk diperolehi (balasan pemerolehan) tidak, pada masa itu, melebihi nilai balasan yang dinyatakan dalam terma-terma tawaran pengambilalihan itu; atau
- (b) terma-terma tawaran pengambilalihan itu kemudiannya diubah supaya apabila perubahan itu diumumkan nilai balasan pemerolehan itu pada masa yang disebut dalam perenggan (a) tidak lagi melebihi nilai balasan yang dinyatakan dalam terma-terma itu,

pembuat tawaran itu hendaklah dikira, bagi maksud seksyen ini, sebagai telah memperolehi atau membuat kontrak untuk memperolehi syer-syer itu menurut kuasa penerimaan-penerimaan tawaran pengambilalihan itu tetapi berhubungan dengan mana-mana hal lain syer-syer itu hendaklah dikira sebagai tidak termasuk dalam syer-syer yang tawaran pengambilalihan itu berhubungan dengannya.

(7) Tertakluk kepada seksyen 34B, jika suatu notis telah diberikan oleh pembuat tawaran di bawah subseksyen (1), pembuat tawaran hendaklah, selepas habis tempoh satu bulan dari tarikh notis itu diberikan, atau jika subseksyen (2) terpakai selepas empat belas hari dari tarikh pernyataan itu diposkan kepada pemegang syer tak setuju—

(a) menghantar suatu notis kepada penerima tawaran beserta dengan suatu suratcara pemindahan yang disempurnakan bagi pihak seorang pemegang syer tak setuju oleh seseorang yang dilantik oleh pembuat tawaran itu; dan

(b) membayar, menguntukkan atau memindahkan kepada penerima tawaran itu amaun atau balasan lain bagi syer yang notis itu berhubungan dengannya,

dan penerima tawaran itu sesudah itu hendaklah mendaftarkan pembuat tawaran itu sebagai pemegang syer-syer itu.

(8) Apa-apa jumlah wang yang diterima oleh penerima tawaran di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam akaun bank yang berasingan, dan apa-apa jumlah wang sedemikian dan apa-apa balasan lain yang diterima sedemikian hendaklah dipegang oleh penerima tawaran itu secara amanah bagi orang yang berhak kepada syer-syer itu yang berkenaan dengannya jumlah wang atau balasan lain itu diterima.

(9) Jika apa-apa balasan selain daripada wang tunai dipegang secara amanah oleh suatu syarikat bagi mana-mana orang di bawah seksyen ini, ia boleh, selepas habis tempoh sepuluh tahun dari tarikh balasan itu dibayar, diuntukkan atau dipindahkan kepadanya, memindahkannya kepada Menteri.

(10) Menteri hendaklah menjual atau melupuskan apa-apa balasan yang diterima di bawah subseksyen (9) mengikut cara yang difikirkannya patut dan hendaklah menguruskan hasil jualan atau pelupusan itu seolah-olah ia adalah wang yang dibayar kepadanya menurut undang-undang berhubungan dengan wang tak dituntut.

Hak pemegang syer minoriti.

34A. (1) Tertakluk kepada seksyen 34B, jika suatu tawaran pengambilalihan adalah berhubungan dengan kesemua syer atau kesemua syer dalam mana-mana kelas atau kelas-kelas penerima tawaran dan, pada bila-bila masa sebelum berakhirnya tempoh yang dalamnya tawaran pengambilalihan itu boleh diterima—

- (a) pembuat tawaran itu telah, menurut kuasa penerimaan-penerimaan tawaran pengambilalihan itu, memperolehi sebahagian (tetapi bukan semua) syer yang tawaran pengambilalihan itu berhubungan dengannya atau syer daripada mana-mana kelas atau kelas-kelas yang tawaran pengambilalihan itu berhubungan dengannya; dan
- (b) syer-syer itu, dengan atau tanpa mana-mana syer lain atau mana-mana syer lain daripada kelas atau kelas-kelas yang tawaran pengambilalihan itu berhubungan dengannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang pembuat tawaran itu atau mana-mana penama atau perbadanan berkaitan pembuat tawaran itu telah memperolehi berjumlah tidak kurang daripada sembilan persepuluh nilai kesemua syer penerima tawaran itu atau daripada kelas itu pada penerima tawaran,

maka pemegang mana-mana syer atau mana-mana kelas atau kelas-kelas syer yang tawaran pengambilalihan itu berhubungan dengannya boleh, dengan notis kepada pembuat tawaran itu, menghendakinya supaya memperoleh syer-syer itu, dan pembuat tawaran itu adalah terikat untuk memperoleh syer-syer itu atas terma-terma tawaran pengambilalihan itu atau terma-terma lain yang dipersetujui.

(2) Dalam tempoh satu bulan dari masa yang dinyatakan dalam subseksyen (1), pembuat tawaran itu hendaklah memberi mana-mana pemegang syer yang tidak menerima tawaran pengambilalihan itu, notis, mengikut cara yang ditetapkan di bawah Kod, mengenai hak-hak yang boleh dijalankan olehnya di bawah subseksyen (1) dan, jika notis itu diberikan sebelum tempoh yang disebut dalam subseksyen (1), ia hendaklah menyatakan bahawa tawaran pengambilalihan itu masih terbuka untuk diterima.

(3) Notis di bawah subseksyen (2) boleh menentukan tempoh bagi perjalanan hak-hak yang diberikan oleh seksyen ini dan dalam hal sedemikian hak-hak itu tidaklah boleh dijalankan selepas berakhirnya tempoh itu; tetapi tiada tempoh sedemikian boleh berakhir kurang daripada tiga bulan selepas berakhirnya tempoh yang dalamnya tawaran pengambilalihan itu boleh diterima.

(4) Subseksyen (2) tidaklah terpakai jika pembuat tawaran itu telah memberi pemegang syer itu notis berkenaan dengan syer yang berkenaan di bawah subseksyen 34(1).

(5) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

Permohonan
kepada
Mahkamah

34B. (1) Jika suatu notis diberikan di bawah subseksyen 34(1), Mahkamah boleh, atas suatu permohonan yang dibuat oleh mana-mana pemegang syer tak setuju dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu diberikan—

- (a) memerintahkan bahawa pembuat tawaran itu tidak berhak dan tidak terikat untuk memperoleh syer-syer itu; atau
- (b) menentukan terma-terma pemerolehan itu yang berbeza daripada terma-terma tawaran pengambilalihan itu.

(2) Jika suatu permohonan kepada Mahkamah masih belum selesai pada akhir tempoh yang disebut dalam subseksyen 34(2), maka subseksyen itu tidaklah mempunyai kuatkuasa sehingga permohonan itu telah dibereskan.

(3) Apabila pemegang mana-mana syer menjalankan haknya di bawah subseksyen 34A(1), Mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat oleh pemegang syer atau pembuat tawaran itu, memerintahkan bahawa terma-terma yang atasnya pembuat tawaran itu hendaklah memperoleh syer-syer itu adalah sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(4) Tiada perintah bagi kos boleh dibuat terhadap seorang pemegang syer yang membuat permohonan di bawah subseksyen (1) atau (3) melainkan jika Mahkamah berpendapat—

- (a) bahawa permohonan itu adalah tak perm, tak wajar atau menyusahkan; atau
- (b) bahawa terdapat kelengahan yang tak munasabah dalam membuat permohonan itu atau kelakuan tak munasabah di pihak pemegang syer dalam menjalankan presiding atas permohonan itu.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (6), Mahkamah boleh, atas suatu permohonan seorang pembuat tawaran yang tidak memperoleh penerimaan-penerimaan sehingga takat yang perlu untuk memberikan hak kepadanya untuk memberikan notis di bawah subseksyen 34(1), membuat suatu perintah membenarkan pembuat tawaran itu memberikan notis di bawah subseksyen 34(1).

(6) Mahkamah hanya boleh memberikan perintah di bawah subseksyen (5) apabila berpuas hati bahawa—

- (a) kegagalan pembuat tawaran itu untuk memperoleh penerimaan-penerimaan sedemikian adalah disebabkan ketakupayaannya mengesan seorang atau lebih orang yang memegang syer yang tawaran pengambilalihan itu berhubungan dengannya selepas membuat penyiasatan yang munasabah;
- (b) syer yang telah diperolehi atau dibuat kontrak untuk diperolehi oleh pembuat tawaran itu menurut kuasa penerimaan-penerimaan tawaran pengambilalihan itu, beserta dengan syer-syer yang dipegang oleh orang atau orang-orang yang disebut dalam perenggan (a), berjumlah tidak kurang daripada minimum yang dinyatakan dalam subseksyen 34 (1); dan
- (c) balasan yang ditawarkan adalah patut dan munasabah:

Dengan syarat bahawa Mahkamah tidak boleh membuat perintah sedemikian melainkan jika Mahkamah berpendapat bahawa adalah adil dan saksama untuk berbuat sedemikian dengan mengambil kira, khususnya, bilangan pemegang syer yang telah dikesan tetapi yang tidak menerima tawaran pengambilalihan itu.

Seksyen 180 Akta Syarikat 1965 tidaklah terpakai bagi tawaran pengambilalihan yang baginya subseksyen 34(1) terpakai.
Akta 125.

34c. Peruntukan seksyen 180 Akta Syarikat 1965 tidaklah terpakai berkenaan dengan tawaran pengambilalihan yang baginya subseksyen 34(1) terpakai."

Pindaan seksyen 36. **12.** Seksyen 36 Akta ibu adalah dipinda dalam perenggan (1)(b) dengan menggantikan perkataan "Akta ini" dengan perkataan "undang-undang sekuriti".

Seksyen bam 39A dan 39B. **13.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 39 seksyen yang berikut:

"Penalti am. 39A. (1) Mana-mana orang yang melanggar kehendak atau mana-mana peruntukan Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Jika tiada penalti diperuntukkan secara nyata bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, seseorang yang bersalah atas kesalahan itu apabila disabitkan bolehlah didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya; dan dalam hal kesalahan yang berterusan, bolehlah dikenakan denda harian tidak melebihi lima ribu ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan. 39B. (1) Jika seseorang yang disabitkan berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini ialah suatu pertubuhan perbadanan, maka ia hanya boleh dikenakan apa-apa denda yang diperuntukkan dalamnya.

(2) Jika seseorang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini ialah suatu pertubuhan perbadanan, tiap-tiap orang yang pada

masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, pegawai eksekutif, pekerja atau setiausaha pertubuhan perbadanan itu atau berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian adalah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan dia menjalankan segala usaha wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut dijalankan olehnya memandangkan jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan."

14. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 41 dengan seksyen yang berikut: Penggantian seksyen 41.

"Kuasa untuk menggunakan khidmat. 41. Suruhanjaya boleh, sama ada secara am atau dalam sesuatu perkara tertentu, menguna-khidmat, di bawah terma-terma dan syarat-syarat guna-khidmat yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa, mana-mana orang yang bukannya pegawai Suruhanjaya untuk memberikan apa-apa bantuan yang diperlukan atau ditentukan oleh Suruhanjaya berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya, atau penunaian kewajipan-kewajipannya di bawah undang-undang sekuriti, atau untuk melaksanakan fungsi atau menunaikan kewajipan itu bagi pihak dan atas nama Suruhanjaya."

15. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 42 seksyen yang berikut: §Seksyen baru 42 A.

"Keputusan Suruhanjaya adalah muktamad. 42A. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, apa-apa keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini, sama ada keputusan asal yang dibuat olehnya atau keputusan selepas kajian semula di bawah subseksyen 42 (1), adalah muktamad."

Seksyen bam
43A, 43B dan
43c.

16. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 43 seksyen yang berikut:

"Bantuan
kepada
polis atau
pegawai
awam
yang lain.

43A. Walau apa pun seksyen 43, Suruhanjaya boleh, atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan pegawai awam—

- (a) membekalkan kepada seorang pegawai polis atau mana-mana pegawai awam yang lain suatu salinan mana-mana buku atau dokumen lain yang disita, ditahan atau diambil milik di bawah seksyen 36 atau mana-mana rekod pemeriksaan yang dibuat di bawah seksyen 38, atau mana-mana pernyataan yang dibuat di bawah subseksyen 38(3), atau mana-mana buku atau dokumen lain yang dikemukakan di bawah subseksyen 36(2), atau selainnya dalam perjalanan mana-mana pemeriksaan di bawah seksyen 38, dan pegawai polis atau pegawai awam yang lain itu boleh menggunakan salinan buku, pernyataan, rekod atau dokumen lain itu sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat berhubungan dengan penjalanan kuasa-kuasanya, pelaksanaan fungsi-fungsinya, atau penunaian kewajipan-kewajipannya, berkenaan dengan mana-mana orang; atau
- (b) membenarkan seorang pegawai polis atau mana-mana pegawai awam yang lain untuk mendapatkan akses kepada dan memeriksa mana-mana harta, buku, dokumen lain, artikel atau benda yang telah dikemukakan di hadapan, atau disita, di tahan atau diambil milik oleh, seorang Pegawai Penyiasat di bawah Akta ini, dan pegawai polis atau pegawai awam yang lain itu boleh menggunakan apa-apa pengetahuan yang didapati melalui akses atau pemeriksaan itu sebagaimana

yang perlu atau suaimanfaat berhubungan dengan penjalanan kuasa-kuasanya, pelaksanaan fungsi-fungsinya, atau penunaian kewajipan-kewajipannya, berkenaan dengan mana-mana orang.

Bantuan kepada dan kerjasama dengan pihak berkuasa menyelia.

43B. (1) Walau apa pun seksyen 43, Suruhanjaya boleh, atas permintaan suatu pihak berkuasa menyelia asing, memberikan bantuan kepada pihak berkuasa menyelia asing itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(2) Dalam seksyen ini, "pihak berkuasa menyelia asing" ertinya pihak berkuasa asing yang menjalankan fungsi-fungsi yang bersamaan dengan fungsi-fungsi Suruhanjaya di bawah suatu undang-undang sekuriti atau mana-mana orang di luar Malaysia yang menjalankan fungsi-fungsi pengawalseliaan dan yang berkenaan dengannya Suruhanjaya berpendapat adalah wajar dan perlu diberikan bantuan.

Kuasa Suruhanjaya untuk menghendaki maklumat.

43c. Jika di bawah Akta ini, kuasa diberikan kepada Suruhanjaya untuk menghendaki mana-mana orang, atau jika mana-mana orang dikehendaki di bawah Akta ini, untuk mengemukakan kepada Suruhanjaya apa-apa maklumat, dokumen atau buku, Suruhanjaya boleh menghendaki supaya maklumat, dokumen atau buku itu dikemukakan dalam apa-apa tempoh, pada apa-apa lat-tempoh, mengikut apa-apa cara, dalam apa-apa bentuk, dan secara bertulis atau dengan cara apa-apa rakaman tampak (sama ada imej kaku atau bergerak) atau rakaman bunyi, atau apa-apa rakaman elektronik, magnetik, mekanik atau apa jua pun rakaman lain, pada apa-apa bahan, material, benda atau artikel, sebagaimana yang dinyatakan oleh Suruhanjaya dalam penentuan itu."

Pindaan
seksyen 44.

17. Seksyen 44 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (2)(c) dan (d) dengan perenggan yang berikut:

"(c) menetapkan prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang mengawal kelakuan semua orang atau pihak yang terlibat dalam tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan wajib;

(d) segala perkara berhubungan dengan cadangan-cadangan yang disebut dalam subseksyen 32(2) ;"; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh membuat peruntukan bagi pengenaan penalti yang tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit bagi mana-mana kesalahan di bawahnya."

Seksyen baru
44A.

18. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 44 seksyen yang berikut:

"indemniti. 44A. Suruhanjaya, mana-mana anggota Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya, Pengerusi dan mana-mana pegawai Suruhanjaya tidaklah bertanggungjawab bagi sesuatu tindakan atau prosiding lain bagi ganti-rugi bagi atau oleh sebab, atau berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat, ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, menurut atau dalam melaksanakan sesuatu undang-undang sekuriti atau dalam melaksanakan mana-mana fungsi, atau dalam menjalankan mana-mana kuasa, yang diberikan atau dinyatakan sebagai diberikan oleh atau di bawah sesuatu undang-undang sekuriti:

Dengan syarat bahawa tindakan, pernyataan, pelaksanaan fungsi atau penjalanan kuasa itu telah dilakukan atau dibuat dengan suci had."

19. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan Jadual yang berikut: Pemasukan
Jadual.

JADUAL

(Subseksyen 32A (1))

Kelas Atau Kategori Sekuriti Atau Kelas Atau Kategori Transaksi Yang Tidak Tertakluk Kepada Subseksyen 32(4)

1. Penerbitan sekuriti oleh atau yang dijamin oleh Kerajaan atau Bank Negara Malaysia.
2. Sekuriti sesuatu syarikat persendirian.
3. Terbitan bonus sekuriti sesuatu syarikat awam yang tidak disenaraikan.
4. Sekuriti yang dibenarkan oleh Bank Negara Malaysia untuk diperdagangkan dalam pasaran wang.
5. Mengadakan atau mewujudkan, atau mengeluarkan atau menyempurnakan—
 - (a) apa-apa suratcara yang memperakui atau mewujudkan keterhutangan bagi, atau bagi wang yang dipinjam untuk membayar, balasan yang kena dibayar di bawah kontrak membekalkan barang-barang atau perkhidmatan;
 - (b) cek atau bil pertukaran yang lain, draf jurubank atau surat kredit; atau
 - (c) nota bank, pernyataan yang menunjukkan baki dalam akaun semasa, deposit atau simpanan, atau (oleh sebab apa-apa obligasi kewangan yang terkandung dalamnya) suatu gadaian atau pelupusan lain harta, atau suatu polisi insurans.
6. Semua perdagangan dalam sekuriti yang dilaksanakan di pasaran saham sesuatu bursa saham yang diluluskan oleh Menteri menurut subseksyen 8(2) Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

7. Suatu tawaran atau pelawaan untuk membuat perjanjian pengunderaitan atau yang dibuat atau dikeluarkan kepada seorang pengunderait di bawah perjanjian pengunderaitan sedemikian.
8. Suatu terbitan atau untukan sekuriti kepada seorang pengunderait di bawah suatu perjanjian pengunderaitan.
9. Suatu tawaran atau pelawaan mengenai sekuriti sesuatu perbadanan yang tidak disenaraikan yang dibuat kepada anggota atau pemegang debentur sedia ada perbadanan itu dengan cara terbitan hak dan yang bukan tawaran yang baginya seksyen 39A Akta Syarikat 1965 terpakai.
10. Mengadakan, menawarkan untuk langganan atau belian atau mengeluarkan pelawaan untuk melanggan atau membeli, sekuriti suatu perbadanan kepada anggota sedia ada syarikat dalam pengertian seksyen 270 Akta Syarikat 1965.
11. Penerbitan atau penguntukan sekuriti oleh suatu perbadanan yang tersenarai menurut perjalanan suatu waran, nota boleh tukar, opsyen atau hak melanggan boleh tukar, yang berkenaan dengannya Suruhanjaya telah terlebih dahulu memberikan kelulusannya di bawah subseksyen 32(4)."

Kecualian dan peralihan.

20. (1) Semua tindakan, peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, kelulusan, keputusan, garis panduan dan tindakan eksekutif yang lain, apa jua pun dipanggil, yang dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah disifatkan telah dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini, dan hendaklah terus mempunyai kuatkuasa dan kesan sepenuhnya berhubungan dengan orang yang baginya ia terpakai sehingga dipinda, dimansuhkan atau dibatalkan di bawah, mengikut, atau menurut kuasa, peruntukan yang bersamaan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ibu atau Akta ini boleh menyentuh liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini atau mana-mana prosiding yang dibawa atau hukuman yang dikenakan sebelum hari itu berkenaan dengan kesalahan itu.

(3) Jika apa-apa kesulitan timbul mengenai peruntukan-peruntukan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini, dan peruntukan-peruntukan peralihan, Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa ubahsuaian dalam peruntukan-peruntukan ini sebagaimana yang didapatinya perlu bagi mencegah anomali.

21. Bagi mengelakkan keraguan, peruntukan-peruntukan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini adalah terpakai bagi —

Akta ini hendaklah terpakai bagi cadangan yang belum selesai. dsb.

- (a) semua cadangan yang dikemukakan;
- (b) pengambilalihan, percantuman atau pengambilan wajib yang dibuat, sebelum atau yang belum selesai pada tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 ("Akta").

2. *Fasal 1* memperuntukkan tajuk ringkas dan mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 2* bertujuan memasukkan atau meminda pelbagai takrif seperti berikut:

- (a) takrif "sekutu", yang diambil daripada Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dimasukkan ke dalam Akta. Istilah ini digunakan dalam Bahagian IV Akta yang dipinda terutamanya dalam seksyen 32, 32B, 33, 33A dan 33E;
- (b) takrif "pusat penjelasan" dipinda dengan menggantikan perkataan "penyelesaian perdagangan kontrak niaga hadapan" dengan perkataan "pusat penjelasan yang diluluskan di bawah subseksyen 6s(1) Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993", berikutan dengan pindaan kepada Akta itu;
- (c) takrif "bursa" digantikan untuk memperkemas istilah yang digunakan dalam Akta berikutan dengan pindaan kepada Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang telah memotong semua sebutan mengenai "bursa niaga hadapan" dan menggantikannya dengan istilah "syarikat bursa";

- (d) takrif "syarikat bursa" dimasukkan berikutan dengan pindaan kepada Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang telah menggantikan semua sebutan mengenai "bursa niaga hadapan" dengan "syarikat bursa";
- (e) takrif "kontrak niaga hadapan" digantikan dengan takrif baru berikutan dengan pindaan istilah itu di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;
- (f) takrif "bursa niaga hadapan" dipotong berikutan dengan pindaan kepada Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 yang telah menggantikan istilah "bursa niaga hadapan" dengan istilah "syarikat bursa";
- (g) takrif "pasaran niaga hadapan" digantikan berikutan dengan pindaan kepada Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;
- (h) takrif "transaksi opsi niaga hadapan" dipotong berikutan dengan pindaan kepada Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;
- (i) takrif baru "lesen" dan "orang berlesen" dimasukkan bagi memudahkan rujukan kepada istilah-istilah itu apabila digunakan dalam Akta. Kemasukan takrif "orang berlesen" adalah berikutan dengan pemotongan takrif "orang berdaftar" supaya mencerminkan dengan lebih tepat lagi skim pelesenan intermediari di bawah kedua-kedua Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;
- (j) takrif baru "ditetapkan" dan "rekod" dimasukkan untuk menjelaskan pengertian takrif itu apabila digunakan dalam Akta;
- (k) takrif "orang berdaftar" dipotong kerana sebutan mengenai istilah itu berkenaan dengan orang yang dilesenkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 sekarang ditukar kepada "orang berlesen" untuk mencerminkan dengan lebih tepat lagi rejim pelesenan di bawah undang-undang ini;
- (l) takrif baru "undang-undang sekuriti" dan "menentukan" dimasukkan untuk menjelaskan pengertiannya apabila digunakan dalam Akta; dan
- (m) takrif "berdagang dalam kontrak niaga hadapan" digantikan dengan takrif baru "berdagang" berikutan dengan pindaan kepada Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

4. *Fasal 3* memasukkan seksyen baru 2A ke dalam Akta untuk menjelaskan bahawa istilah "Akta ini" dan "undang-undang sekuriti" apabila digunakan dalam Akta termasuklah peraturan, perintah, pemberitahuan atau perundangan subsidiari lain yang dibuat di bawah Akta ibu atau undang-undang sekuriti.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 13 Akta untuk menjelaskan bahawa seorang anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa mestilah mendedahkan apa-apa kepentingan langsung atau tak langsung dalam apa-apa perkara. Peruntukan yang sedia ada telah menimbulkan kesulitan dalam mencukupkan kuorum bagi mesyuarat Suruhanjaya atau jawatankuasa, dengan itu menghalang perjalanan cekap mesyuarat. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan menyingkirkan halangan yang ditimbulkan oleh subseksyen 13(2) dan (3) yang banyak kali memberi kesan yang tak diniatkan menghilangkan kelayakan anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa membuat pertimbangan ke atas atau mengundi atas perkara-perkara yang tak berkaitan dengan kepentingan yang didedahkannya. Pindaan yang dicadangkan menghilangkan kelayakan anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa meneruskan pertimbangan atau membuat keputusan atas perkara yang dalamnya dia mempunyai kepentingan.
6. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 15 Akta untuk menjelaskan pengertian yang diniatkan bagi pelbagai perenggan yang terkandung dalamnya tentang fungsi-fungsi Suruhanjaya.
7. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 16 Akta untuk menjelaskan bahawa Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa untuk melaksanakan mana-mana fungsinya di bawah undang-undang sekuriti.
8. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 19 Akta untuk membolehkan Menteri memberi Suruhanjaya arahan yang bersifat am yang tidak tak konsisten dengan fungsi-fungsi Suruhanjaya di bawah Akta. Menteri boleh juga menghendaki Suruhanjaya supaya memberikannya apa-apa maklumat yang dikehendakinya mengenai fungsi-fungsi Suruhanjaya di bawah undang-undang sekuriti.
9. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 22 Akta untuk meluaskan kuasa Suruhanjaya memberi pinjaman dan membuat pendahuluan supaya meliputi kuasa mengadakan biasiswa dan pinjaman pelajaran kepada pegawainya, pengkhidmatnya dan orang lain seperti orang tanggungan pegawai dan pengkhidmat.
10. *Fasal 9* bertujuan memasukkan seksyen baru 22A ke dalam Akta untuk membolehkan Suruhanjaya menyertai mana-mana pertubuhan perbadanan, dengan kelulusan Menteri, bagi maksud menggalakkan kajian dan penyelidikan berhubungan dengan perindustrian sekuriti dan niaga hadapan. Ini dikehendaki terutamanya memandangkan perlunya dipertingkatkan standard profesional dan disemai budaya pasaran yang sesuai bagi perkembangan pasaran modal di Malaysia.
11. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 24 Akta. Pindaan-pindaan kepada subseksyen (2) dan (6) adalah berikutan dengan pindaan yang dibuat kepada Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.

12. *Fasal 11* bertujuan meminda keseluruhan Bahagian IV Akta. Pindaan yang dicadangkan bertujuan menghapuskan konsep "tawaran awam", menjelaskan jenis-jenis transaksi yang akan termasuk dalam lingkungan Suruhanjaya dan untuk membolehkan Suruhanjaya, melalui peraturan-peraturan mengadakan kriteria yang akan memudahkan transaksi terbitan perbadanan berlaku dalam pasaran yang cekap, bersaing dan termaklum.

Subseksyen 32 (2) yang dicadangkan telah menghapuskan konsep tradisional menjadikan terbitan sekuriti kepada orang awam atau sebahagian orang awam tertakluk kepada pengawalseliaan. Perenggan (a) hingga (g) menyatakan jenis-jenis cadangan yang dikehendaki dikemukakan kepada Suruhanjaya untuk kelulusannya.

Subseksyen baru 32 (7) dan (8) membolehkan Suruhanjaya mengambil tindakan tertentu sekiranya terdapat apa-apa pelanggaran subseksyen 32c(1), atau apa-apa pelanggaran terma dan syarat yang dikenakan menurut suatu kelulusan yang diberikan atau jika terdapat apa-apa perubahan atau perkembangan dalam hal keadaan berhubungan dengan cadangan selepas Suruhanjaya memberikan kelulusannya. Subseksyen 32 (8) yang baru tak membenarkan Suruhanjaya mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (7) melainkan jika Suruhanjaya telah member! pemohon peluang munasabah untuk didengar.

Untuk memastikan perlindungan pelabur, subseksyen baru 32 (9) bertujuan mencegah salah nyataan oleh penerbit tentang kelulusan Suruhanjaya yang diberikan terhadap apa-apa cadangan dengan menghendaki suatu pernyataan dibuat bahawa kelulusan Suruhanjaya itu tidaklah boleh dikira sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya mengesyorkan cadangan itu kepada pelabur-pelabur.

Subseksyen baru 32 (10) membenarkan perjanjian bersyarat dibuat tanpa perjanjian itu dibawa dengan tak sengaja ke dalam skop larangan di bawah subseksyen (4).

Subseksyen baru 32 (11) menyatakan semula kehendak-kehendak dalam subseksyen 32(4) yang sedia ada dalam Akta.

Seksyen baru 32A dimasukkan kerana liputan yang komprehensif di bawah subseksyen 32(2) menjadikan perlu kelas atau kategori tertentu sekuriti atau transaksi tidak dibawa ke dalam skop subseksyen 32(4). Kelas atau kategori ini dinyatakan dalam Jadual. Terdapat juga kelas lain atau kategori tertentu sekuriti atau transaksi yang boleh ditetapkan oleh Menteri supaya sekuriti atau transaksi ini tidak tertakluk kepada skop subseksyen 32(4). Ini adalah untuk memastikan bahawa transaksi komersil tertentu boleh berlaku dengan cekap tanpa campur tangan kawalseliaan jika pemakaian seksyen itu tidak diniatkan.

Seksyen baru 32B mewujudkan kesalahan membekalkan pernyataan palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya berhubungan dengan mana-mana cadangan. Ia mengenakan ke atas penerbit dan pegawainya, seorang penasihat kewangan atau mana-mana orang yang kepakarannya pada lazimnya diharapkan, kewajipan yang berterusan untuk berhati-hati dalam membuat pernyataan atau memberikan maklumat kepada Suruhanjaya.

Seksyen 33 dipinda untuk mewujudkan dengan mantapnya asas pengawalseliaan pengambilalihan dan percantuman. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 33 bertujuan mengadakan rangka kawalseliaan yang dalamnya Kod boleh berkuatkuasa dengan berkesan dan tanpa halangan undang-undang.

Subseksyen baru (1) memasukkan pelbagai takrif yang penting bagi kuatkuasa Penggal ini dan Kod sementara beberapa takrif telah diambil daripada seksyen 33 yang sedia ada. Istilah "kawalan" ditakrifkan supaya bererti pemerolehan atau pemegangan, atau hak untuk menggunakan, syer mengundi lebih daripada tiga puluh tiga peratus dalam sesuatu syarikat.

Takrif baru "orang yang bertindak bersama-sama" dalam subseksyen (2) adalah untuk memastikan bahawa Kod mengenai Pengambilalihan dan Percantuman terpakai bukan sahaja bagi orang atau orang-orang yang memperoleh atau bercadang memperoleh kawalan dalam sesuatu syarikat tetapi juga orang yang bertindak bersama-sama orang atau orang-orang itu.

Seksyen baru 33A memberi Menteri kuasa untuk menetapkan Kod dan menyiarkan Kod dalam *Warta*. Suruhanjaya diberikan kuasa untuk mengeluarkan kaedah-kaedah mentafsirkan Kod untuk membantu pelaksanaan Kod dan menjelaskan pengertian peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Kod yang dicadangkan.

Seksyen baru 33B mengenakan obligasi statutori ke atas pengambil di bawah pelbagai hal keadaan supaya mematuhi peruntukan Penggal 2 dan Kod. Kegagalan untuk mematuhinya akan menyebabkan orang itu bersalah atas suatu kesalahan.

Seksyen baru 33c dimasukkan untuk membolehkan pelepasan diberikan hanya jika pelbagai kriteria yang dinyatakan dalam subseksyen 33A(5) terpakai. Ini adalah untuk membolehkan Suruhanjaya memberikan pelepasan bagi pengambilalihan tertentu jika pengawalseliaannya tidak diniatkan.

Seksyen 33D baru dimasukkan untuk menggariskan pelbagai tindakan yang boleh diambil oleh Suruhanjaya untuk menguatkuasakan Kod dan apa-apa arahan yang dibuat di bawahnya. Tindakan-tindakan ini bolehlah dalam bentuk arahan terhadap orang yang ingkar, pengenaan penalti sivil, celaan sama ada dalam bentuk sulit atau awam atau

mengarahkan bursa saham untuk enggan memberi orang yang ingkar itu akses kepada kemudahan-kemudahan bursa saham. Beberapa tindakan yang boleh diambil oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini terdapat dalam peruntukan yang sedia ada subseksyen 33(10) Akta.

Seksyen baru 33B mewujudkan kesalahan membekalkan dokumen dan maklumat palsu atau mengelirukan kepada Suruhanjaya berhubung dengan atau berkaitan dengan tawaran pengambilalihan, percantuman atau pengambilan wajib. Seksyen baru ini mengenakan ke atas pengambil dan sekutunya, penerima tawaran dan orang profesional seperti penasihat kewangan atau mana-mana orang lain yang kepakarannya pada lazimnya diharapkan, kewajipan yang berterusan untuk berhati-hati dalam memberikan dokumen atau maklumat.

Seksyen baru 34 bertujuan memperkemas dan menjelaskan prosedur yang terlibat berhubung dengan pengambilan wajib. Seksyen baru 34 terpakai bagi tawaran pengambilalihan untuk memperoleh kesemua syer sesuatu syarikat sasaran, atau kesemua syer daripada kelas tertentu, yang bukan syer yang sudah dipegang oleh pembuat tawaran. Hak pembuat tawaran untuk memperoleh secara wajib syer pemegang yang tak menerima tawaran itu tercetus apabila dia menerima penerimaan berhubung dengan sembilan puluh peratus nilai nominal syer yang dengannya tawaran itu berhubung dengan syarat bahawa dia menerimanya dalam tempoh empat bulan.

Seksyen baru 34A menggariskan hak-hak pemegang syer minoriti untuk memaksa pengambilan oleh pembuat tawaran supaya mereka dibeli keluar daripada syarikat sasaran atas terma-terma tawaran pengambilalihan itu. Relief boleh didapati oleh pemegang syer minoriti melalui permohonan kepada Mahkamah di bawah seksyen 34B.

Seksyen baru 34B menggariskan hak pemegang syer tak setuju untuk membuat permohonan kepada Mahkamah untuk memaksa pembuat tawaran dalam tawaran pengambilalihan yang berjaya untuk membelinya keluar daripada syarikat sasaran atas terma-terma tawaran pengambilalihan. Pada masa yang sama, pembuat tawaran yang telah memperolehi sembilan puluh peratus nilai nominal syer yang dengannya tawaran itu berhubung dengan boleh membuat permohonan kepada Mahkamah dan Mahkamah boleh memerintahkan terma-terma yang atasnya pembuat tawaran itu berhak dan terikat untuk memperoleh syer sebagaimana yang Mahkamah fikirkan patut.

Seksyen baru 34c dimasukkan untuk mengelakkan pengawalseliaan duaan akan pengambil wajib; oleh itu seksyen 180 Akta Syarikat 1965 tidaklah terpakai berkenaan dengan tawaran pengambilalihan yang baginya subseksyen 34(1) Akta terpakai.

13. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 16 Akta untuk menjelaskan kuasa-kuasa Pegawai Penyiasat Suruhanjaya untuk memasuki premis dan membuat pemeriksaan jika suatu kesalahan di bawah undang-undang sekuriti disyaki dilakukan.

14. *Fasal 13* bertujuan memasukkan seksyen baru 39A dan 39B. Seksyen baru 39A mengadakan peruntukan bagi penalti am dengan hukuman denda tidak melebihi satu juta ringgit atau tempoh pemenjaraan tidak melebihi lima tahun jika seseorang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta yang baginya tiada penalti khusus telah diperuntukkan. Seksyen 39B dimasukkan untuk memperuntukkan bahawa jika sesuatu pertubuhan perbadanan didapati melakukan kesalahan di bawah Akta, pengarah, pegawai eksekutif, pekerja atau setiausaha perbadanan itu adalah disifatkan melakukan kesalahan dengan syarat orang itu membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan dia telah menjalankan segala usaha wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu memandangkan jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan.

15. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 41 untuk memperkemaskan peruntukan-peruntukan yang menurutnya Suruhanjaya boleh menggunakan khidmat orang yang sesuai untuk membantunya dalam penunaian tugas-tugas atau pelaksanaan fungsi-fungsinya.

16. *Fasal 15* bertujuan memasukkan seksyen baru 42A untuk memperuntukkan bahawa keputusan Suruhanjaya yang dibuat di bawah Akta adalah muktamad.

17. *Fasal 16* memasukkan seksyen baru 43A, 43B dan 43c. Seksyen 43A memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh sama ada atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan seorang pegawai awam membekalkan kepada pegawai polis atau pegawai awam lain buku atau dokumen yang disita, ditahan atau diambil milik atau rekod pemeriksaan yang dibuat atau pernyataan bertulis. Pegawai polis atau pegawai awam lain yang kepadanya buku, dokumen, rekod atau pernyataan itu dibekalkan boleh menggunakannya sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat berhubungan dengan kuasa, pelaksanaan fungsinya atau penunaian tugasnya berkenaan dengan mana-mana orang.

Seksyen 43B bertujuan memberi Suruhanjaya kuasa memberikan bantuan kepada pihak berkuasa menyelia asing sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya. Ini bertujuan memudahkan kerjasama antarabangsa dalam bidang penguatkuasaan.

Seksyen 43c memberi Suruhanjaya kuasa untuk menentukan cara dan bentuk yang dalamnya maklumat boleh dikehendaki daripada seseorang dan tempoh bagi mematuhi permintaan itu.

18. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 44 Akta dengan menggantikan perenggan (c) dan (d) berikutan dengan pindaan kepada Bahagian IV Akta.

19. *Fasal 18* bertujuan memasukkan seksyen baru 44A yang memberikan indemniti kepada Suruhanjaya, anggota Suruhanjaya atau jawatankuasa, Pengerusi atau mana-mana pegawai Suruhanjaya yang telah bertindak dengan suci hati dalam melaksanakan tugas-tugasnya di bawah undang-undang sekuriti. Ini diperlukan untuk memastikan bahawa penunaian fungsi kawalseliaan atau pelaksanaan tugas oleh orang ini boleh dijalankan dengan berkesan dan tanpa risiko liabiliti undang-undang.

20. *Fasal 19* bertujuan memasukkan Jadual ke dalam Akta berkenaan dengan kelas atau kategori sekuriti atau transaksi yang tidak tertakluk kepada subseksyen 32(4).

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.
[PN. (U²) 1824.]